

# Pendekatan agama beri kekuatan perangi maksiat

## Tanggungjawab didik anak mesti berterusan demi kecemerlangan generasi masa depan

**Nik Salida Shuhaila**

salidasuhaila99@yahoo.com



**M**AKSIAT atau perbuatan yang menyebabkan dosa besar bukan saja musuh kepada agama dan umat Islam tetapi juga menjadi halangan yang akan merencatkan pembangunan insan dalam sebuah negara membangun.

Maksiat yang berlaku dalam pelbagai bentuk seperti rasuah, salah guna kuasa, penipuan, judi, zina, arak dan sebagainya sudah menjadi perkara biasa dalam masyarakat hari ini.

Ia bermula dengan hilangnya rasa malu dan takut kepada azab Allah sehinggalah kerana tamakkan dunia dan isinya. Orang yang tega melakukan maksiat sanggup menjauhkan dirinya daripada cinta Allah semata-mata untuk melampirkan nafsunya yang sementara di dunia ini.

Allah berfirman yang bermak-

sud: *"Wahai Daud, sesungguhnya kami telah jadikan kamu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan benar, dan janganlah kamu menurut nafsunu kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan jalan Allah itu."* (Surah Saad, ayat 26)

Orang yang melakukan maksiat juga tiada kewarasan akal dalam menghitung untung dan rugi me-



*Maksiat yang sudah menjadi wabak dalam kalangan umat Islam hari ini wajar diperangi melalui pelbagai usaha dan cara supaya tidak menjadi madu yang akan terus dihisap rakus oleh mereka yang sering kali lalai atau lupa*



nyekutkan amalan agama dengan ketaatan kepada syaitan durjana.

Mereka hilang pedoman, sehingga sanggup memburukkan nama sendiri dan keturunan, malah seolah-olah mencabar kuasa Allah yang menjanjikan neraka jahanam buat mereka yang melanggar perintah-Nya.

Hari ini, tidak ramai orang yang mampu melihat perbuatan maksiat sebagai najis yang kotor dan jijik. Orang yang melakukan maksiat juga tidak merasai keaiban sepatutnya kerana perbuatan mereka tidak diperangi dalam struktur sosial, budaya dan agama secara konsisten serta menyeluruh.

Justeru, maksiat yang sudah menjadi wabak di kalangan umat Islam hari ini wajar diperangi melalui pelbagai usaha dan cara supaya tidak menjadi madu yang akan terus dihisap rakus oleh mereka yang sering kali lalai atau lupa.

Apabila racun menjadi madu, ia bukan saja sukar ditolak, tetapi sering diidam oleh sesiapa saja, hatta mereka yang cuba sedaya upaya menjauhi larangan agama.

Apabila seseorang sudah tidak mampu menolak maksiat kepada Allah kerana segumpal darah yang

disebut 'hati' dalam dirinya tidak lagi suci, tugas mengembalikan mereka ke pangkal jalan sudah tentulah terbeban di bahu ibu bapa.

Sebab itulah tanggungjawab mendidik anak tidak akan terhenti walaupun mereka sudah meningkat usia atau bergelar orang ternama. Bukankah anak adalah amanah Allah ke atas setiap ibu bapa?

Apabila ibu bapa mula selesa dengan 'aliran semasa' yang melepaskan tanggungjawab daripada menasihati anak dengan alasan mereka sudah dewasa atau tidak menunjukkan model tarbiah terbaik mengikut kacamata agama untuk teladani, ia amat membimbangkan.

Perlu ditekankan, selain sistem sokongan lain yang akan membimbing setiap individu sama ada secara langsung atau tidak langsung, peranan ibu bapa sebagai guru pertama dan sehingga akhirnya tidak boleh dikesamping.

Selain ibu bapa, pendidik perlu menanam rasa benci terhadap maksiat kepada pelajar sama ada di sekolah mahupun institusi pendidikan tinggi. Garis panduan agama yang jelas membuat sempadan antara yang hak dan batil harus di-

serapkan dalam setiap modul pengajaran dan pembelajaran.

Ia sepatutnya menjadi salah satu objektif pembelajaran yang wajib diadaptasi mengikut kesesuaian mata-pelajaran diajar. Secara tidak langsung, proses pendidikan bukan saja mengajar pelajar, juga mengingatkan pendidik peranan sebagai murabbi.

Pemimpin pula haruslah menjadi model ikutan terbaik kerana mereka harus bertanggungjawab terhadap rakyat yang dipimpin. Setiap pemimpin adalah ibu bapa dan pendidik, memegang amanah lebih berat memastikan setiap ahli mengikut aturan hukum yang mutlak.

Justeru, jika ibu bapa, pendidik atau pemimpin sendiri melakukan maksiat kepada Allah, ia adalah ancaman baru dalam dunia hari ini, dan wabak ini tidak boleh dibiarkan tanpa pembersihan jiwa secara terang. Wabak maksiat perlu diperangi dan ia harus bermula dari dalam diri sendiri.

Penulis ialah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, kini melanjutkan pelajaran di United Kingdom